

MESOSISTEM DALAM NOVEL KANAK-KANAK TERPILIH

(MESOSYSTEM IN A SELECTED CHILDREN'S NOVEL)

Rohayati binti Junaidi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali,
Madiawati binti Mamat @ Mustaffa
rohayatijunaidi87@yahoo.com, inmarlin@um.edu.my,
atie@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis hubungan keluarga dengan persekitaran terdekat kanak-kanak dalam novel kanak-kanak yang telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Keluarga merupakan persekitaran penting dalam membentuk persekitaran yang sihat dan membina untuk mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, peranan keluarga perlu dititikberatkan dalam penghasilan novel kanak-kanak pada masa kini supaya dapat menjadi panduan kepada khalayak pembaca. Dalam konteks karya sastera, persekitaran terdekat yang dilihat adalah individu yang berhubung secara langsung dengan kanak-kanak. Analisis ini memperlihatkan hubungan keluarga dengan persekitaran terdekat lain yang melingkungi watak kanak-kanak dalam novel kanak-kanak terpilih. Kajian ini mengaplikasikan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), iaitu mesosistem bagi menganalisis teks. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian menunjukkan hubungan keluarga dengan persekitaran terdekat kanak-kanak mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan persekitaran tersebut sekali gus

perkembangan psikologi kanak-kanak. Hubungan baik keluarga dengan persekitaran terdekat dapat melahirkan kanak-kanak yang seimbang psikologi. Hal ini menjelaskan bahawa keluarga merupakan individu yang berperanan penting dalam membentuk persekitaran yang dapat membantu kanak-kanak berkembang menjadi individu yang positif. Kesimpulannya, persekitaran dalam novel kanak-kanak dengan menggunakan sistem mesosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dapat menjelaskan hubungan keluarga dengan persekitaran lain mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak dalam novel kanak-kanak terpilih.

Kata kunci: Teori Ekologi; Mesosistem; novel kanak-kanak; Kanak-kanak; keluarga.

Abstract

This paper aims to analyze family relationships with the immediate environment of children in a children's novel that has won the Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Family is an important environment in influencing children's psychological development. Therefore, the role of the family should be emphasized in the production of children novels in order to be a guide to the audience of the reader. In the context of literary works, the immediate surroundings seen are individuals who are directly connected with children. This analysis shows family relationships with other nearby environments that surround the character of children in selected children's novels. This study applies one of the principles in Bronfenbrenner's Ecological Theory (1979), a mesosystem for analyzing texts. The method used in this study is library method and text analysis. The findings show that family relationships with the immediate environment of children affect the psychological development of children. Family relations with the immediate environment can give birth to psychologically balanced children. This explains that families are individuals who play an important role in building an environment that helps children develop into positive individuals. In conclusion, the environment in children's novels using the mesosystem in the Ecology Theory of Bronfenbrenner (1979) can explain the influence of the environment on children in selected children's novels.

Keywords: *Theory Ecology; Mesosystem; Children's Novel; Children's; Family.*

Pendahuluan

Novel kanak-kanak terpilih terdiri daripada enam buah novel kanak-kanak yang telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia, iaitu *Memori Atikah* (2002) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, *Azrul Wira Anak Laut* (2006) yang diterbitkan oleh K'Publishing, *Umairah dan Kuda Putih* (2008) yang diterbitkan oleh PTS One Sdn. Bhd, *Beruk* (2010) yang diterbitkan oleh Al-Ameen, *Suteki Da Ne Aleena* (2013) yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, *Rahsia Dhia* (2014) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel kanak-kanak terpilih menceritakan persekitaran yang melingkungi kehidupan watak kanak-kanak. Persekitaran terdekat yang melingkungi watak kanak-kanak terdiri daripada keluarga, rakan, jiran dan guru. Keluarga merupakan persekitaran penting dalam memastikan kanak-kanak menjalinkan hubungan yang baik dengan persekitaran yang lain. Hal ini kerana, hubungan keluarga dengan persekitaran terdekat yang lain mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan persekitaran tersebut.

Hal ini kerana tingkah laku seseorang individu dipengaruhi oleh individu yang hidup bersama secara langsung atau tidak langsung. Tingkah laku merupakan karakter seseorang individu. Tingkah laku kanak-kanak berbeza dengan tingkah laku orang dewasa. Oleh itu, apabila berlaku sesuatu peristiwa atau berdepan sesuatu situasi penerimaan kanak-kanak berbeza dengan orang dewasa. Kanak-kanak lebih dipengaruhi oleh keadaan berbanding orang dewasa. Hal ini kerana kanak-kanak belum mampu berfikir secara matang dalam menghadapi sesuatu situasi. Justeru, apabila berlaku sesuatu peristiwa yang tidak baik, psikologi kanak-kanak akan mudah terusik sekali gus mempengaruhi tingkah laku mereka. Dalam hal ini, keluarga merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam memastikan kanak-kanak menerima persekitaran yang sihat dan membina sekali gus membantu perkembangan psikologi kanak-kanak.

Berdasarkan novel kanak-kanak terpilih, hubungan timbal balas persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dikaji menggunakan sistem mesosistem yang merupakan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Kajian ini menjelaskan bahawa novel kanak-kanak mampu memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat bahawa hubungan antara persekitaran yang melingkungi kehidupan

kanak-kanak mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Selain itu, oleh kerana kanak-kanak masih mentah dalam kehidupan, maka keluarga merupakan persekitaran terdekat yang penting dalam memastikan kanak-kanak membesar dalam persekitaran yang sihat.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam makalah ini akan mengulas literatur terdahulu sama ada di dalam atau di luar negara tentang aspek persekitaran yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner.

Terdapat beberapa kajian lepas di barat yang menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) dalam melihat aspek perkembangan kanak-kanak. Antaranya, Dennis (2012) yang mengkaji perkembangan kanak-kanak yang bermasalah dalam tingkah laku memperlihatkan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi hubungan kanak-kanak dengan ahli keluarga, sekolah, teknologi dan media massa. Selain itu, Stivaros (2007) turut menyatakan bahawa hubungan antara rumah dan sekolah adalah persekitaran penting yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.

Selain di Barat, terdapat juga kajian yang menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner dibuat di Asia, iaitu Noralina (2016) dan Abd. Razak (2011) dari Malaysia dan Witrin Gamayanti (2010) dari Indonesia. Noralina (2016) mengkaji pengaruh ekologi keluarga terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak. Kajian tersebut mendapati bahawa persekitaran sosial keluarga mempengaruhi taraf kesejahteraan hidup kanak-kanak. Dalam kajian Abd. Razak (2011) pula memperlihatkan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik kanak-kanak. Melalui kajian tersebut menunjukkan bahawa amalan keibubapaan yang digunakan oleh ibu bapa mampu melahirkan kanak-kanak yang cemerlang dalam akademik. Seterusnya, Witrin Gamayanti (2010) mengkaji usaha bunuh diri yang berlaku di Indonesia menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner dan ditambah faktor *Ontogenic System*. Kajian tersebut menunjukkan bahawa usaha bunuh diri dipengaruhi faktor ahli keluarga, pencapaian akademik, hubungan dengan rakan sebaya, masalah interaksi sosial dan pemilihan kerjaya. Dapatan kajian turut menemui

bahawa anak yang tidak dapat mengimbangi emosi di rumah dan sekolah turut mendorong kepada usaha bunuh diri.

Al-Naimy (1994) dalam Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012) turut menyatakan bahawa perkembangan setiap individu berbeza berdasarkan persekitaran yang melingkungi kehidupan. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Noraini Ismail & Mohd Noor Idris (2012) yang mengatakan bahawa keluarga terutamanya ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang pertama dalam kehidupan kanak-kanak dan merupakan individu terdekat dengan kehidupan kanak-kanak. Justeru, ibu bapa mempunyai pengaruh besar ke atas tingkah laku kanak-kanak.

Kajian terhadap karya sastera kanak-kanak dilakukan oleh Nursham (2015), iaitu melihat sejauh mana pengarang mengembangkan karya melalui proses pemindahan, modifikasi dan pengembangan. Kajian tersebut menggunakan Teori Intertekstualiti dalam menganalisis novel-novel terpilih Azizi Abdullah dan salah satunya ialah novel *Beruk* yang dianalisis dalam kajian ini.

Berdasarkan kajian-kajian yang pernah dilakukan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner menfokuskan aspek persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam dunia realiti. Belum ada kajian yang menggunakan bahan karya sastera untuk melihat persekitaran kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini menggunakan novel kanak-kanak terpilih dalam melihat persekitaran yang melingkungi kanak-kanak kerana persekitaran yang digambarkan mewakili dunia realiti. Oleh yang demikian, novel kanak-kanak terpilih dianalisis dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang memberi tumpuan khusus kepada mesosistem.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber yang berkaitan persekitaran kanak-kanak dan kajian sastera kanak-kanak. Sumber utama yang digunakan terdapat dalam bentuk bertulis seperti

koleksi persidangan, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, kajian sarjana dan tesis yang telah dihasilkan sarjana tempatan dan juga sarjana barat. Kaedah analisis teks melibatkan pembacaan secara teliti terhadap teks diikuti dengan pemilihan persekitaran yang dominan. Persekitaran tersebut dianalisis dengan menggunakan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner, iaitu mesosistem.

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)

Teori Ekologi Bronfenbrenner yang telah diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner dalam bukunya yang bertajuk *The Ecology of Human Development: Experiment by Nature and Design (1979)*. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1989) menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak sebagai hasil interaksi antara alam persekitaran dengan kanak-kanak tersebut. Terdapat lima sistem yang digariskan oleh Teori Ekologi dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak atau seseorang individu. Lima sistem tersebut ialah Mikrosistem (*Microsystem*), Mesosistem (*Mesosystem*), Ekosistem (*Exosystem*), Makrosistem (*Macrosystem*) dan Kronosistem (*Chronosystem*).

Teori Ekologi yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner (1979) merupakan teori yang sesuai untuk memahami bagaimana persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Teori yang diasaskan oleh Bronfenbrenner menekankan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan manusia. Oleh itu, melalui teori ini persekitaran ekologi manusia berdasarkan hubungannya dengan konteks, iaitu individu itu berada dan berinteraksi menjadi fokus utama. Bronfenbrenner (1979: 21) menyatakan bahawa:

“The ecology of human development involves the scientific study of the progressive, mutual accommodation between an active, growing human being and the changing properties of the immediate settings in which the developing person lives, as this process is affected by relations between these settings, and by the larger contexts in which the settings are embedded.”

Menurut Bronfenbrenner (1979), persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan

mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti ibu bapa serta keluarga dan mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak tersebut secara langsung atau tidak langsung. Berdasarkan Bronfenbrenner perkembangan terjadi melalui proses interaksi yang regular, aktif antara individu dan lingkungan seharian. Tuntasnya, interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan psikologi kanak-kanak.

Meskipun Teori Ekologi Bronfenbrenner terdapat lima sistem yang saling berkait antara satu sama lain yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak, iaitu mikrosistem (*microsystem*), mesosistem (*mesosystem*), ekosistem (*exosystem*), makrosistem (*macrosystem*) dan kronosistem (*chronosystem*). Namun, satu sistem sahaja yang akan digunakan untuk kajian ini, iaitu mesosistem. Hal ini kerana, mesosistem merupakan satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang melihat hubungan timbal balas keluarga dan persekitaran terdekat kanak-kanak yang lain, iaitu rakan, guru dan jiran dalam mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan persekitaran tersebut sekali gus mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak.

Mesosistem

Mesosistem merupakan lapisan kedua dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986). Mesosistem bermaksud hubungan antara mikrosistem. Hubungan timbal balas antara ibu bapa dengan mikrosistem-mikrosistem lain mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan mikrosistem tersebut sekali gus perkembangan psikologi kanak-kanak. Berdasarkan mesosistem yang terdapat dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), hubungan keluarga dengan rakan, guru dan jiran menjadi fokus utama dalam melihat pengaruh terhadap hubungan kanak-kanak dengan persekitaran tersebut serta terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak. Menurut Bronfenbrenner (1979: 25):

“A mesosystem comprises the interrelations among two or more settings in which the developing person actively participates (such as, for a child, the relations among home, school, and neighborhood peer group; for an adult, among family, work, and social life).”

Hal ini jelas menunjukkan bahawa mesosistem merupakan interaksi antara keluarga dengan sekolah seperti interaksi ibu bapa dengan pihak sekolah dan guru dan ibu bapa dengan rakan (Bronfenbrenner, 1979). Contohnya, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti kanak-kanak di sekolah akan memberi impak yang dapat membantu memajukan akademik dan tingkah laku kanak-kanak. Interaksi lain seperti ibu bapa dengan jiran juga mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak.

Selain itu, keadaan di rumah juga mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di sekolah. Jika perkara yang tidak baik berlaku di rumah atau pun di sekolah dibiarkan akan meninggalkan kesan negatif kepada perkembangan psikologi kanak-kanak terbabit. Namun apabila keadaan ini berlaku dan orang sekeliling yang turut terlibat dalam kehidupan seharian kanak-kanak memainkan peranan dengan baik, kanak-kanak dapat menghadapi situasi tersebut. Hal ini kerana reaksi yang diberikan negatif akan memberikan impak negatif dan mengganggu emosi mereka sekaligus menjejaskan pelajaran dan kehidupan seharian mereka.

Kesimpulannya, keluarga merupakan persekitaran terdekat yang memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang seimbang untuk kanak-kanak dengan menjalin hubungan yang baik dengan persekitaran yang lain. Ahli keluarga yang dilihat dalam kajian ini hanya menfokuskan hubungan ibu atau bapa dengan rakan, guru dan jiran yang termasuk dalam persekitaran terdekat dengan kanak-kanak.

Mesosistem Dalam Novel Kanak-kanak Terpilih

Hubungan Keluarga Dengan Guru

Hubungan antara persekitaran khusus memainkan peranan yang besar kepada perkembangan psikologi kanak-kanak. Hubungan persekitaran khusus ini dianalisis melalui hubungan keluarga dengan persekitaran terdekat yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Hubungan keluarga dengan jiran, guru dan rakan merupakan pengaruh penting dalam perkembangan psikologi kanak-kanak. Ibu bapa dan guru merupakan individu penting dalam membentuk perkembangan psikologi kanak-kanak menjadi individu yang cemerlang dalam akademik dan memiliki personaliti yang baik.

Berdasarkan novel *Memori Atikah*, hubungan ibu Atikah dengan guru saling bertimbal balik dalam mempengaruhi perkembangan psikologi Atikah. Hubungan antara ibu Atikah dengan guru yang mengajar Atikah dapat dilihat ketika ibu Atikah pergi ke sekolah Atikah berjumpa dengan Cikgu Mastura. Ibunya bertanyakan kepada Cikgu Mastura prestasi dan pencapaian Atikah di sekolah. Interaksi dan komunikasi yang berlaku antara ibu Atikah dan Cikgu Mastura menunjukkan dengan jelas hubungan antara dua persekitaran ini dalam mempengaruhi watak Atikah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: “Malah mama sudah berbincang panjang lebar dengan Cikgu Mastura, guru kelasku” (*Memori Atikah*, 2002: 68). Bertitik-tolak perjumpaan ibunya dengan Cikgu Mastura menjadi alasan kepada ibunya untuk menukar sekolah Atikah ke bandar. Hasil hubungan timbal balik antara ibu Atikah dengan guru memberi kesan positif kepada pencapaian akademik Atikah, iaitu dapat meningkatkan prestasi pelajaran Atikah melalui pemindahan tempat sekolah Atikah ke luar bandar. Kedua, dapat merapatkan lagi hubungan Atikah dengan ibunya kerana sebelum itu Atikah tinggal berasingan dari ibunya.

Namun dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* tidak ada hubungan yang aktif antara ibu bapa dan guru. Keluarga Umairah yang diwakili oleh ayah, ibu dan neneknya tidak menggambarkan dengan jelas menjalinkan hubungan yang positif dengan pihak sekolah, iaitu para guru yang mengajar Umairah. Hal ini jelas menunjukkan watak Umairah tidak ditekankan dengan pencapaian akademik. Hal ini turut berkait rapat dengan Umairah yang selalu diejek di sekolah dengan panggilan “budak busuk” dan tidak mempunyai rakan. Umairah juga seorang budak yang pendiam, suka menyendiri, suka bercakap dengan binatang dan selalu dibuli oleh budak-budak nakal. Hal seperti ini berlaku terhadap Umairah kerana tidak ada hubungan yang positif antara ibu bapa dan guru. Ibu bapa tidak mengetahui keadaan yang berlaku kepada Umairah di sekolah. Begitu juga guru tidak mengetahui keadaan yang dihadapi watak Umairah di rumah. Oleh itu, jika guru menjalinkan hubungan yang positif dengan keluarga perkara seperti ini dapat dielakkan. Bronfenbrenner (1977: 523) menegaskan bahawa:

“The experience of a child in day care, in the classroom, or in the informal peer group may change his pattern of activities and interaction with parents or siblings in the home, or vice versa, with consequent implications for learning and development.”

Keadaan di sekolah yang selalu dibuli dan tidak mempunyai rakan mempengaruhi Umairah. Hal ini semakin parah, apabila ditambah lagi dengan keadaan keluarga yang tidak mempedulikan Umairah. Ketiadaan hubungan timbal balas antara keluarga dan pihak sekolah menyebabkan Umairah tidak bersemangat ke sekolah dan digambarkan ponteng sekolah. Menurut Bronfenbrenner dalam Noraini Ismail & Mohd Noor Idris (2012: 53) menegaskan bahawa keadaan di rumah dapat mempengaruhi tingkah laku dan personaliti seseorang individu ketika berada di sekolah. Jika pihak sekolah dan ibu bapa mempunyai hubungan timbal balas, pihak sekolah akan berbincang dengan ibu bapa bagi menangani masalah yang dihadapi Umairah di sekolah. Hasil daripada perbincangan tersebut pasti membuatkan Umairah dapat mengecapi keseronokan dan kegembiraan apabila pergi ke sekolah. Hal ini kerana kanak-kanak sebaya Umairah merupakan umur di mana kanak-kanak berasa gembira ke sekolah bertemu dan belajar dengan kawan-kawan.

Hal yang sama turut dihadapi Alias dalam novel *Beruk*. Ibu Alias tidak menjalinkan hubungan yang aktif dengan pihak sekolah. Hal ini kerana ibu Alias yang lumpuh tidak mampu untuk bertemu secara langsung dengan pihak sekolah berkenaan pencapaian akademik dan tingkah laku anaknya di sekolah. Oleh kerana tidak ada hubungan timbal balas antara ibunya dengan guru menyebabkan Alias seorang pelajar yang selalu tersisih dalam kelas dan dimarahi oleh Cikgu Sunan meskipun Alias merupakan pelajar yang baik dan bijak dalam pelajaran. Hal yang lebih teruk apabila Cikgu Sunan menghukum Alias tanpa mengetahui masalah yang dihadapi Alias kerana tidak ada interaksi antara Cikgu Sunan dengan keluarga Alias. Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner, guru bukan sahaja hanya mengutamakan alam belajar dalam bilik darjah, tetapi juga alam persekitaran di luar bilik darjah (Mok Soon Sang, 2009: 46). Cikgu Sunan tidak mengetahui Alias seorang anak yatim dan dari keluarga yang kurang berkemampuan dengan ibunya yang lumpuh. Menurut Bronfenbrenner (1994: 40), *“the effects of family and school processes were greater than those attributable to socioeconomic status or race.”*

Perkara yang sama juga berlaku terhadap watak Azrul dalam novel *Azrul Wira Anak Laut*. Perhubungan keluarga Azrul dengan pihak sekolah, iaitu guru-guru dan rakan sekolah Azrul tidak digambarkan dalam novel ini. Apabila perkara ini dianalisis dapat dilihat bahawa ketika Azrul lambat melunaskan yuran UPSR tidak digambarkan peranan guru mengambil berat perkara tersebut. Guru kelas seharusnya bertemu dengan ibu bapa Azrul untuk mengetahui keadaan Azrul. Selain itu, ibu bapa Azrul juga seharusnya meskipun sibuk mencari rezeki namun harus meluangkan waktu untuk pergi ke sekolah berbincang dengan pihak sekolah. Oleh kerana hubungan keluarga dengan pihak sekolah yang diwakili guru tidak aktif telah memberi kesan terhadap watak Azrul. Antara kesan yang dihadapi Azrul seperti malu berdepan dengan kawan-kawan kerana lambat melunaskan yuran peperiksaan dan nyaris hendak berhenti sekolah.

Selain itu, interaksi ibu dengan guru-guru yang mengajar Dhia terutamanya guru kelas Dhia tidak digambarkan secara langsung dalam novel ini. Namun hubungan antara Dhia dengan guru dan ibunya yang positif memberi impak yang besar terhadap Dhia. Hal ini kerana, kedua-dua individu tersebut memainkan peranan penting dalam membantu Dhia menjadi seorang kanak-kanak yang cemerlang dalam pelajaran dan memiliki keperibadian yang baik. Hal ini dapat dilihat, guru yang mengajar Dhia sangat mengambil berat pelajaran dan keadaan Dhia. Dhia yang dikategorikan sebagai seorang kanak-kanak kurang upaya kerana jari telunjuknya yang kurang selalu mendapat sokongan gurunya. Ketika di rumah, ibu Dhia juga selalu memberi kata-kata semangat dan memantau pelajaran Dhia. Menurut Mohd Sharani Ahmad (2004: 205), penglibatan secara langsung di rumah seperti melihat kerja sekolah yang diberi oleh guru selain membantu menyelesaikan kerja sekolah tersebut dikira sebagai penglibatan akademik anak. Oleh itu, kedua-dua individu tersebut memberi pengaruh yang besar terhadap pencapaian akademik sekali gus perkembangan psikologi Dhia. Hal ini jelas memperlihatkan, guru dan ibunya merupakan individu yang bertanggungjawab membentuk Dhia menjadi seorang kanak-kanak yang seimbang psikologi. Menurut Bronfenbrenner, kanak-kanak yang diberikan galakan untuk berinteraksi dan berkomunikasi dalam mesosistem ini menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada kanak-kanak yang kekurangan peluang (Mok Soon Sang, 2009: 27).

Hal ini turut dapat dilihat pada watak Aleena dalam novel *Suteki Da Ne Aleena*. Ibu bapa dan guru saling berkerjasama membantu Aleena dalam mencapai kecemerlangan dengan memberi semangat dan dorongan kepada Aleena yang tertekan dengan pencapaian Matematik yang lemah, digugurkan dari kelas violin dan berpindah di sekolah baru yang berbeza budaya dan sistem pendidikan. Di sekolah, guru yang mengajar Aleena sentiasa mengambil berat dan memberi kata-kata semangat kepada Aleena. Hal yang sama juga ketika di rumah, Ibu dan ayah Aleena sentiasa mengambil berat dan memastikan anak-anaknya cemerlang dalam pelajaran. Hal ini kerana, menurut Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2011: 35), konteks keluarga yang kondusif dan harmoni mampu merangsang anak-anak berjaya dalam pelajaran. Keluarga Aleena jelas digambarkan sebuah keluarga yang kondusif dan harmoni. Hubungan kekeluargaan yang digambarkan dengan selalu berbincang dan kedua-dua orang tuanya sentiasa mengambil berat pencapaian akademik Aleena dan kakaknya.

Kesimpulannya, meskipun hubungan ibu bapa dengan guru selalu berkait dengan soal pencapaian kanak-kanak dalam pelajaran. Namun, hubungan ibu bapa dengan guru juga membentuk keperibadian dan akhlak yang baik kanak-kanak. Hubungan ibu bapa dengan guru meningkatkan tingkah laku dan interaksi sosial kanak-kanak di kalangan rakan sebaya. Hal ini ditegaskan oleh Nancy E. Hill & Stacie A. Craft (2003: 74), bahawa "*parent-school involvement also directly improves children's social behaviour and interactions among peers.*" Selain itu, konteks keluarga yang bahagia dan harmoni mampu melahirkan seorang kanak-kanak yang cemerlang dalam pelajaran dan perkembangan psikologi yang seimbang.

Hubungan Keluarga Dengan Jiran

Jiran merupakan individu yang tinggal berdekatan dengan kawasan tempat tinggal kanak-kanak. Jiran yang dianalisis dalam novel kanak-kanak terpilih merupakan individu yang tinggal berdekatan dengan tempat tinggal watak kanak-kanak. Berdasarkan sistem mesosistem, hubungan ibu bapa dengan jiran mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan jiran sekali gus perkembangan psikologi kanak-kanak.

Berdasarkan novel *Memori Atikah*, ibu Atikah juga menjalin hubungan yang baik dengan jiran, iaitu *Uncle Chandran*. *Uncle Chandran* tinggal berjiran dengan keluarga Atikah. Perhubungan baik antara ibu Atikah dan *Uncle Chandran* dapat dilihat apabila kedua-duanya selalu berbual dan saling mengambil berat terhadap anak-anak. Hubungan yang terjalin memberi manfaat kepada Atikah kerana *Uncle Chandran* melayani Atikah dengan baik begitu juga Atikah menghormati *Uncle Chandran*. Selain itu, *Uncle Chandran* juga mengingatkan anaknya supaya pergi ke sekolah bersama-sama Atikah kerana Atikah masih baru dan tidak biasa dengan kawasan tersebut.

Perhubungan keluarga dengan individu lain yang dekat dengan kehidupan yang melingkungi kanak-kanak juga dapat dilihat dalam novel *Azrul Wira Anak Laut*. Pak Long Baie, Pak Long Seman, Busu Jantan dan Pak Njang Badri merupakan rakan merangkap jiran kepada keluarga Azrul. Mereka selalu pergi ke laut bersama ayah Azrul. Keakraban Pak Long Seman terjalin bukan setakat sebagai rakan yang sama-sama turun ke laut menangkap ikan namun dapat dilihat apabila dia menasihati Azrul belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Nasihat yang diberikan kepada Azrul seperti nasihat seorang ayah kepada anak sendiri. Hal ini kerana perhubungan yang terjalin antara keluarga Azrul dengan Pak Long Seman memberikan pengaruh positif kepada Azrul. Malahan Azrul sangat menghormati Pak long Seman dan rakan-rakan ayahnya. Perhubungan baik ayahnya dengan Pak long Baie, Pak Long Seman, Busu Jantan dan Pak Njang Badri mempengaruhi hubungan Alias dengan mereka.

Manakala dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* perhubungan keluarga dengan jiran akan dibahagikan kepada dua. Perhubungan positif antara keluarga dengan jiran-jiran yang merangkap rakan sekerja ayah Umairah, iaitu abang Mail dan Datuk Merah yang merupakan majikan ayah Umairah. Manakala perhubungan negatif antara keluarga Umairah dengan Pak Hamdan. Hubungan Rusdi dengan Mail dan Datuk Merah terjalin baik bukan sahaja mereka jiran sekampung, tetapi juga kerja di tempat yang sama. Perhubungan baik Rusdi dengan Datuk Merah memberi impak positif kepada Umairah. Hal ini dapat dilihat apabila Datuk Merah memahami minat Umairah terhadap binatang peliharaan

di ladangnya, iaitu seekor kuda bernama Putih. Umairah juga diberikan kepercayaan masuk ke ladang Datuk Merah dan menjaga Putih yang baru sahaja dilahirkan.

Kepercayaan Datuk Merah kepada Umairah kerana Umairah merupakan anak kepada Rusdi, iaitu pengurus ladang yang bekerja di ladangnya. Oleh kerana perhubungan yang terjalin baik ini dapat dilihat Umairah berasa bahagia bermain dan menjaga Putih. Perkara yang lebih utama, digambarkan watak Umairah begitu gembira apabila berada di ladang dan dapat melupakan kesedihannya apabila ibu dan ayahnya tidak mempedulikannya serta semasa Nenek Tun meninggal dunia. Hal ini jelas memperlihatkan hubungan baik antara ibu bapa dengan jiran memberi kesan positif kepada kanak-kanak dan begitu juga sebaliknya.

Perhubungan dingin antara Rusdi dengan Pak Hamdan memberi impak negatif kepada perkembangan psikologi Umairah. Hal ini dapat dilihat layanan Pak Hamdan sekeluarga kepada Umairah. Malah Pak Hamdan menjadi penghasut kepada budak-budak untuk memanggil Umairah dengan nama “budak busuk”. Layanan jahat Pak Hamdan kepada Umairah ini kerana dia berdendam dan tidak berpuas hati dengan ayah Umairah, iaitu Rusdi. Akibat perhubungan dingin antara Pak Hamdan dengan Rusdi menyebabkan Umairah menjadi mangsa perang dingin antara ayah Umairah dengan Pak Hamdan. Umairah berasa sedih kerana budak-budak memanggilnya dengan nama “budak busuk” dan tidak mahu berkawan dengannya. Hal ini boleh dikaitkan dengan sikap Umairah yang selesa berkawan dengan Putih seekor kuda. Malah Umairah merasakan hanya binatang sahaja memahami dan menerima dirinya serta tidak memanggilnya dengan panggilan tersebut. Bronfenbrenner (1979: 104), menegaskan bahawa: “*the child’s psychological growth is facilitated by his interaction with persons occupying a variety of roles.*”

Berdasarkan novel *Beruk* jelas digambarkan hubungan rapat keluarga Alias dengan Mak Cik Kiah dan Pak Cik Din. Hal ini dapat dilihat Mak Cik Kiah yang berjiran dengan ibunya sejak ayah Alias masih hidup sentiasa mengambil berat keadaan Alias dan ibunya. Hubungan baik ibunya dengan Cik Kiah juga menyebabkan Alias sangat menghormati dan mesra dengan Mak Cik Kiah. Mak Cik Kiah juga menyayangi dan menganggap Alias seperti anak sendiri kerana telah lama mengenali

keluarga Alias. Pak Cik Din juga melayani Alias dengan baik kerana telah bersahabat lama dengan keluarga Alias. Pak Cik Din juga tahu kesempitan hidup yang ditanggung keluarga Alias. Namun dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* pula tidak tergambar interaksi antara keluarga dan jiran tetangga. Justeru, jiran tidak memainkan peranan yang penting dalam membentuk perkembangan psikologi Aleena. Hubungan keluarga dengan jiran tidak tergambar dengan jelas dalam novel ini dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak kerana keluarga Aleena menetap di luar negara.

Rumusannya, hubungan keluarga dengan jiran turut mempengaruhi layanan jiran kepada kanak-kanak. Hal ini menunjukkan jiran yang menjalinkan hubungan baik dengan ibu bapa akan melayani kanak-kanak dengan baik juga. Keadaan ini turut mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak kerana layanan yang diterima daripada jiran sama ada negatif atau positif meninggalkan kesan kepada emosi, tingkah laku dan hubungan sosial kanak-kanak dengan jiran.

Hubungan Keluarga Dengan Rakan

Rakan merupakan individu yang rapat dengan kanak-kanak. Individu yang menjadi rakan kepada kanak-kanak terdiri daripada individu yang sebaya dengan kanak-kanak dan individu yang banyak menghabiskan masa bersama-sama dengan kanak-kanak. Hubungan interaksi antara ibu bapa dengan rakan anak-anak terjalin memberikan kesan kepada kanak-kanak.

Berdasarkan novel *Memori Atikah*, hubungan keluarga dengan rakan anak-anak diperlihatkan dalam novel. Puan Norma menjalinkan hubungan yang rapat dengan rakan Atikah, iaitu Sucithra. Hubungan yang baik antara Puan Norma dengan Sucithra mempengaruhi perkembangan psikologi Atikah. Hal ini dapat dilihat kata-kata nasihat dan kata-kata yang baik tentang ibunya membuatkan Atikah lembut hati dengan ibunya. Sucithra yang mengenali ibu Atikah berjaya menyakinkan Atikah bahawa ibunya seorang yang lemah-lembut dan baik hati. Malahan kesudian Sucithra menjadi orang tengah memberitahu ibunya mengenai keinginan Atikah mengikuti tuisyen bahasa Inggeris

menjadikan Atikah berasa gembira dan sekali gus memperbaiki hubungannya dengan ibunya.

Selain itu, berdasarkan novel *Beruk* hubungan ibu dengan rakan turut mempengaruhi watak Alias. Ibunya menyenangi Alias berkawan dengan Som dan mereka selalu belajar dan mengulang-kaji pelajaran bersama-sama. Som selalu belajar mengaji dengan ibu Alias. Setiap kali, selepas Som selesai belajar di rumah Alias, ibu Alias selalu mengingatkan Alias supaya menghantar Som balik. Hubungan ibunya dengan Som yang terjalin baik juga turut mempengaruhi hubungan Alias dengan Som. Meskipun terdapat peristiwa Alias merajuk dengan Som kerana Som bergurau dengannya, tetapi keadaan itu tidak berpanjangan.

Watak Umairah dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* turut dipengaruhi hubungan rapat nenek Tun dengan Jaja, iaitu rakan sekelas Umairah. Perhubungan mereka terjalin selepas kematian Nenek Tun. Nenek Tun yang memainkan peranan dalam menjalinkan hubungan mereka. Perhubungan mesra Nenek Tun dengan Jaja menyumbang kepada perhubungan mesra Jaja dan Umairah. Nenek Tun juga memberitahu Jaja supaya berkawan dengan Umairah kerana Umairah tidak mempunyai rakan rapat. Layanan dan sikap nenek Tun terhadap Jaja mempengaruhi pandangan dan penerimaan Jaja terhadap Umairah. Hal ini sekali gus memberi impak positif kepada Umairah. Umairah berasa gembira kerana mempunyai seorang rakan yang sebaya. Umairah menyedari bahawa memiliki rakan dari kalangan manusia lebih memberi kegembiraan kepadanya kerana dapat berkongsi cerita dan masalah yang sama. Hal ini sejajar dengan pendapat Che Noraini (2005) dalam Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012: 165), bahawa rakan sebaya memainkan pengaruh yang besar dalam membentuk perkembangan akhlak dan tingkah laku kanak-kanak.

Berdasarkan novel *Rahsia Dhia* juga turut dapat dilihat interaksi antara ibu Dhia dengan rakan-rakan Dhia digambarkan mesra. Keakraban antara mereka memberi impak positif terhadap perkembangan psikologi Dhia. Nathalie Franco & Mary J. Levitt (1998: 319) mengatakan bahawa: *friendship quality was related significantly to family support*. Hal yang paling ketara ketika rekaan Dhia sempena Hari Kemerdekaan dirosakkan oleh Syahima, rakan-rakan dan ibunya saling bekerjasama memberi perangsang

dan dorongan kepada Dhia. Rakan-rakan Dhia datang ke rumah dan layanan ibu Dhia membuatkan mereka selesa sekali gus memberi manfaat terhadap hubungan Dhia dengan rakan-rakannya juga. Dengan sokongan ibu dan rakan-rakannya, Dhia dapat mengatasi perasaan sedih dan kecewa.

Rumusannya, hubungan baik antara ibu bapa dengan rakan anak-anak mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan rakan sekali gus perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, ibu bapa dapat mengetahui kelakuan dan sikap individu yang menjadi rakan anaknya. Apabila mengetahui individu yang menjadi rakan anaknya, ibu bapa dapat mengawal rakan sebaya yang membawa pengaruh negatif kepada kanak-kanak. Hubungan yang positif antara ibu bapa dengan rakan-rakan membantu kanak-kanak dalam memilih rakan sebaya yang membantu kanak-kanak cemerlang dalam pelajaran dan juga psikologi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hubungan ahli keluarga dengan persekitaran terdekat iaitu jiran, rakan dan guru memberi kesan terhadap hubungan kanak-kanak dengan persekitaran tersebut. Hubungan dingin antara ahli keluarga dengan jiran tetangga menyebabkan kanak-kanak turut tidak disukai oleh jiran. Hal yang sama juga dapat dilihat apabila tidak ada hubungan timbal balas antara ibu bapa dan guru menyebabkan kanak-kanak terabai di sekolah, tidak bersemangat untuk ke sekolah sehingga sanggup ponteng sekolah.

Namun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa walaupun keluarga tidak bertindak aktif dalam hubungan dengan pihak sekolah seperti guru, kanak-kanak masih mampu memberikan pencapaian yang baik dalam pelajaran apabila hubungan kekeluargaan yang baik dan harmoni serta ibu bapa bertindak aktif di rumah memantau pelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Ibu bapa yang mengambil berat dan mengikuti perkembangan kanak-kanak dapat membantu perkembangan emosi, sahsiah, tingkah laku dan akademik kanak-kanak. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam memastikan hubungan kanak-kanak dengan persekitaran terdekat yang lain berjalan lancar.

Bibliografi

- Abd. Razak Zakaria. 2011. Hubungan Konteks Keluarga dengan Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-anak di Sekolah Menengah. Tesis Ph. D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. 2011. Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 36 (1), 35-44.
- Awang Abdullah. 2002. *Memori Atikah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Abdullah. 2010. *Beruk*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings.
- Bronfenbrenner, U. 1977. *Toward an Experimental Ecology of Human Development*: New York: Cornell University.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1994. Ecological Models of Human Development. In *International Encyclopedia of Education*. Vol. 3, 2nd. Ed., 37-43.
- Dewan Sastera. 2014. Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 (Kategori Kanak-kanak dan Remaja). Diakses dari <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1507> pada 8 Mei 2018.
- Hadijah Rahmat. 2006. *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Omar. 2006. *Azrul Wira Anak Laut*. Shah Alam: 'K' Publishing Sdn. Bhd.
- Helen Stivaros. 2007. An Ecological Perspective of Children's School Experiences and Educational Outcome. Tesis Ph. D, University of Huddersfield, Huddersfield.

- Jas Laile Suzana Jaafar. 2016. *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarulzaman Kamaruddin. 2016. *Psikologi Perkembangan Panduan untuk Guru*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kusyi Hirdan. 2010. *Umairah dan Kuda Putih*. Batu Caves: PTS One Sdn Bhd.
- Mass Ruhaiza Ali. 2013. *Suteki Da Ne Aleena*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Bahasa Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Bil. / Vol. 11, 117-130.
- Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Psikologi Kanak-kanak*. Batu Caves: PTS Publications.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. 2005. *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2009. *Perkembangan Kanak-kanak*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nancy E. Hill & Stacie A. Craft. 2003. Parent-School Involvement and School Performance: Mediated Pathways Among Socioeconomically Comparable African American and Euro-American Families. *Jurnal of Educational Psychology*. Vol. 95 (1), 74-83.
- Nathalie Franco & Mary J. Levitt. 1998. The Social Ecology of Middle Childhood: Family Support, Friendship Quality, and Self-Esteem. *Family Relations*. Vol. 47 (4), 315-321.
- Noraini Ismail & Mohd Noor Idris. 2012. Faktor dan Proses Pembangunan Sahsiyah. Dlm Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Aslina Ahmad & Hazalifah Hamzah (Eds.) (2nd. ed.) *Pengenalan Pembangunan Sahsiyah*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.

- Noralina Omar. 2016. *Ekologi keluarga dan kesejahteraan hidup kanak-kanak miskin di Malaysia*. Tesis Ph. D, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nursham Abdul Aziz. 2015. *Novel-Novel Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis Ph. D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Pathmanathan R. Nalasamy & Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2013. *Hak Kanak-kanak dalam Jagaan Institusi Awam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Witrin Gamayanti. 2010. *Usaha Bunuh Diri Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Latihan Ilmiah*. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Zainun Mustapha. 2014. *Rabsia Dhia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainudin Abu Bakar. 2014. *Psikologi Pendidikan Pedoman untuk Guru dan Ibu Bapa*. Singapore: Partridge Publishing Singapore.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.